

SINAR HARIAN : 11 OKTOBER 2018

## PERAK HASRAT LAKSANAKAN PROGRAM POKOK ANGKAT



Menteri Besar Perak Ahmad Faizal Azumu menanam pokok yang ke-1.4 juta pada Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2018 Peringkat Negeri Perak di Perkampungan Orang Asli Pos Kuala Mu hari ini. - Foto Bernama

**SUNGAI SIPUT** – Kerajaan Perak berhasrat untuk melaksanakan program ‘Pokok Angkat’ bagi memastikan kelestarian hutan di negeri itu terjamin.

Bagaimanapun Menteri Besarnya Ahmad Faizal Azumu berkata, perkara itu masih diperingkat kajian kerana untuk mencapai hasrat itu ia memerlukan kos yang tinggi dan komitmen daripada semua pihak.

"Orang ramai meminta kerajaan tidak menebang hutan, jadi jika itu dilakukan (tidak tebang) kerajaan negeri tidak dapat pendapatan menerusi penebangan pokok atau hasil hutan, jadi cara lain masyarakat perlu beri sumbangan.

"Menerusi program pokok angkat orang ramai dapat memberi sumbangan dengan cara membeli pokok, tidak perlu bayar sekali gus boleh bayar secara bulanan mengikut kemampuan agar wang itu dapat digunakan bagi menjaga hutan," katanya selepas merasmikan majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat negeri di Pos Kuala Mu di sini hari ini.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Ahmad Faizal menyeru agar pemikiran lama bahawa kekayaan daripada hasil hutan adalah daripada aktiviti menebang balak semata-mata dapat diubah.

"Kita mesti belajar bagaimana negara lain menjadikan khazah alam semulajadi sebagai sumber pendapatan yang lumayan hasil daripada aktiviti ekopelancongan yang menjana pendapatan bernilai jutaan ringgit.

Perak mempunyai hutan simpanan kekal seluas 991,328.05 hektar dan daripada jumlah itu seluas 516,445.70 hektar atau 52 peratus dikelaskan sebagai hutan pengeluaran, manakala bakinya iaitu sebanyak 48 peratus lagi dirizabkan khusus untuk perlindungan seperti hutan tadahan air, hidupan liar dan pelindungan tanah tinggi. - Bernama